

CTSB NEWSLETTER

What's Happening!

1. SESI DEMOSTRASI PENANDAARASAN SEBUTHARGA PEMBANGUNAN SISTEM EHASIL UNTUK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

05/09/2023 (SELASA)

CTSB telah menerima jemputan bagi pembentangan demostrasi penandaarasan sebutharga bagi Majlis Bandaraya Seremban. Ini adalah bagi Pembangunan Sistem eHasil (Sistem Sewaan, Sistem Tempahan Fasiliti, Sistem Bil Pelbagai dan Sistem Cagar).



2. AKTIVITI SIMULASI BAGI SISTEM PEMANTAUAN OPERASI TUNGGAKAN CUKAI HARTA, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

11/09/2023 (ISNIN)


Satu sesi dan aktiviti simulasi bagi Proses Sitaan untuk sistem Pemantauan Operasi Tunggakan Cukai Harta MBJB telah dijalankan. Latihan On Site juga telah dilakukan. Aktiviti ini telah disertai oleh Hj Azmi selaku Pengarah Penilaian, beberapa Pegawai MBJB dan staf CTSB iaitu Fadhzillah dan Inshirah.



3. PERSIAPAN BAGI PAMERAN PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM 2023 DI PICC PUTRAJAYA

12/09/2023 (SELASA)

Persiapan yang telah dilakukan bersama Committee Event CTSB bagi Pameran yang akan diadakan pada 13hb September 2023 di PICC Putrajaya. Ia adalah bagi Persidangan Digital Sektor Awam 2023. Persiapan dilakukan seawal 2 petang untuk memastikan booth pameran CTSB dalam keadaan baik



4. BOOTH PAMERAN DI PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

13/09/2023 (RABU)

CTSB telah membuka 1 booth pameran di Persidangan Digital Sektor Awam yang bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2023 adalah program anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

PDiSA 2023 merupakan persidangan yang melibatkan penyertaan inklusif pemimpin digital kerajaan serta rakan strategik dari pihak industri termasuk pakar tempatan. Mereka berkumpul dan membincangkan pelbagai inisiatif dan potensi penambahbaikan bagi menghasilkan perkhidmatan Kerajaan yang lebih berkualiti dalam menghadapi masa depan digital dan mengutamakan keperluan rakyat. Terdapat lebih dari 20 booth dari pelbagai bidang di PDiSA tersebut



5. BOOTH PAMERAN DI CULINAIRE MALAYSIA 2023

19/09/2023 (SELASA) - 22/09/2023 (JUMAAT)

Cyber Robotics Malaysia telah menyertai Culinaire Malaysia Competition 2023 anjuran Malaysian Hotel Association (MAH) & Food Hotel Malaysia (FHM) sebagai salah satu penaja dan pempamer di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sepanjang lima hari pada 19 September 2023 - 22 September 2023.

Program ini merangkumi hampir setiap aspek Pengurusan Makanan & Hotel, memfokuskan pada peralatan/ bekalan hotel/restoran, makanan dan minuman, kelengkapan dan aksesori hotel, perkhidmatan makanan, peralatan katering, produk pengemasan, hospitaliti dan teknologi runcit.



6. LATIHAN MODUL LESEN EPBT 2.0 MAJLIS DAERAH YONG PENG (MDYP)

19/09/2023 (SELASA) – 20/09/2023 (RABU)

Satu sesi latihan bagi modul Lesen Sistem ePBT 2.0 telah diadakan di Bilik Latihan CTSB di Tingkat 8, Menara MSC Cyberport. Latihan tersebut dihadiri oleh 8 orang pegawai MDYP termasuklah dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Lesen. Pelatih bagi latihan tersebut adalah Inshirah dan telah berjalan selama 2 hari.



7. PRODUCTIVITY STEP UP SEMINAR FOR CONSTRUCTION INDUSTRY

25/09/2023 (ISNIN)

MSC Cyberport telah bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam menjayakan seminar *Productivity Step Up* yang memfokuskan kepada tiga komponen utama iaitu diagnostik (penilaian), analisis proses (penambahbaikan) dan pelaksanaan. Ianya bagi membantu sektor pembinaan dalam meningkatkan produktiviti organisasi mereka dengan menggunakan teknologi dan pendigitalan. Seminar ini telah berlangsung pada 25 September 2023 di Dewan Produktiviti MPC Wilayah Selatan.



8. Jamuan meraikan kejayaan En Ramlee sempena penganugerahan World Digital Entrepreneur Lifetime Achievement Award

27/09/2023 (Rabu)

Jamuan ini dianjurkan oleh jabatan sumber manusia untuk meraikan kejayaan CEO, En Ramlee untuk penganugerahan yang berprestij ini, bersama staf MSCSB & CTSB.



TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA EN RAMLEE SELAKU CEO CYBERSOLUTION TECHNOLOGIES SDN BHD KERANA TELAH DIANUGERAHKAN

“WORLD DIGITAL ENTREPRENEUR LIFETIME ACHIEVEMENT AWARD”



Ucapan tahniah dan rasa bangga dari kami, staff CTSB dan MSC Cyberport atas kejayaan En Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif dalam penerimaan “World Digital Entrepreneur Lifetime Achievement Award”. Penerimaan anugerah tersebut adalah sebagai batu loncatan kepada Syarikat dan juga staff dalam mencapai kejayaan pada masa hadapan.

